



11 Oktober 2021  
11 October 2021  
P.U. (A) 390

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS LATIHAN DI BAWAH SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)) 2021

### *INCOME TAX (DEDUCTION FOR TRAINING COSTS UNDER NATIONAL DUAL TRAINING SYSTEM (NDTS)) RULES 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN  
(POTONGAN BAGI KOS LATIHAN DI BAWAH SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL  
(SLDN)) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Latihan di bawah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)) 2021.**

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2019.

**Pemakaian**

2. Kaedah-Kaedah ini terpakai kepada program yang layak yang dilaksanakan dan diluluskan oleh Kementerian Sumber Manusia dalam tempoh antara 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2021.

**Tafsiran**

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“perantis” ertinya seorang warganegara Malaysia dan pemastautin di Malaysia yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran bagi menjalani suatu program yang layak, yang merupakan—

(a) seorang pekerja syarikat yang layak; atau

(b) seorang lepasan sekolah;

“program yang layak” ertinya suatu program yang—

- (a) mematuhi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS);
- (b) ditauliah oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran;
- (c) diperakukan sebagai Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)-Industry4WRD; dan
- (d) menggunakan dua modul pengajaran iaitu:
  - (i) latihan amali di syarikat yang merangkumi 70% hingga 80% latihan (prestasi); dan
  - (ii) latihan teori di pusat latihan yang merangkumi 20% hingga 30% latihan (pengetahuan);

“syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat—

- (a) yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777];
- (b) yang ditauliah sebagai Pusat Bertauliah oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk melaksanakan Program SLDN;
- (c) menjalankan Program SLDN berdasarkan NOSS; dan
- (d) mengambil bahagian dalam Program SLDN.

### **Potongan**

4. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan bagi suatu syarikat yang layak daripada perniagaannya dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi suatu amaun perbelanjaan yang dilakukan

dan dibayar oleh syarikat yang layak itu dalam tempoh asas itu bagi mengambil bahagian dalam program yang layak itu.

(2) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (1) hendaklah bersamaan dengan dua kali amaun perbelanjaan yang dibenarkan iaitu—

- (a) elaun latihan bulanan yang tidak kurang daripada tiga ratus ringgit yang dibayar kepada perantis;
- (b) perbelanjaan yang dilakukan bagi penyediaan program yang layak itu kepada perantis;
- (c) perbelanjaan yang dilakukan bagi elaun makanan, perjalanan dan tempat tinggal perantis semasa menjalani program yang layak itu; dan
- (d) perbelanjaan yang dilakukan bagi insurans yang disediakan kepada perantis.

(3) Jumlah amaun potongan yang boleh dibenarkan di bawah perenggan (2)(b) dan (c) bagi setiap perantis hendaklah tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap tahun taksiran.

### **Ketidakpakaian**

5. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai jika syarikat yang layak berhubung dengan perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah 4(1), telah membuat tuntutan—

- (a) untuk mana-mana dana atau geran Kerajaan berhubung latihan itu; atau
- (b) untuk apa-apa pengecualian atau potongan di bawah mana-mana peruntukan lain Akta.